

▼30/10/19-25MST

CNS6281

U PB 30-10 00202 BA121

bah

Mahathir-Kelantan

UMNO BERI KEMENANGAN KEPADA PAS ATAS TALAM EMAS, KATA MAHATHIR

KOTA BAHARU, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan PAS dan Semangat 46 menyapu bersih kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Kelantan pada pilihan raya umum 1990 sebagai "satu pemberian Umno di atas talam emas".

Perdana Menteri berkata, ini kerana Umno pada masa itu sedang mengalami masalah perpecahan dalaman di kalangan anggotanya di negeri ini yang sekaligus membolehkan PAS dan Semangat 46, melalui Angkatan Perpaduan Ummah, memenangi pilihan raya itu.

"Tidak ada sebab lain yang boleh menyebabkan Umno kalah teruk di Kelantan, yang mempunyai kira-kira 99 peratus orang Melayu sebagai pengundi, melainkan perpecahan dalam parti sendiri," katanya ketika berucap merasmikan Mini Konvensyen UMNO Negeri Kelantan, di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata punca perpecahan itu tidak penting lagi tetapi hakikatnya sekiranya Umno bertanding dalam sesuatu pilihan raya pada masa anggotanya sedang berpecah belah, perpecahan itulah yang akan menjamin kekalahannya.

Beliau berkata setiap anggota dan pemimpin Umno di negeri ini perlu berpegang kepada tiga perkara pokok untuk memastikan parti itu kembali memegang tampuk pemerintahan. -- Lagi

▼30/10/19-43MST

U PB 30-10 00192 BA122

bah

Mahathir-Kelantan 2 (Akhir) Kota Baharu

Pertama, katanya, mereka jangan sekali-kali membuatkan Umno sebuah parti yang tidak popular di kalangan rakyat negeri ini.

Beliau berkata Umno mesti popular kerana ia bukan sahaja memerlukan sokongan padu anggotanya untuk memenangi sesuatu pilihan raya tetapi juga sokongan pengundi yang tidak berada dalam parti itu.

Kedua, katanya, calon-calon Umno yang bertanding pada sesuatu pilihan raya perlu berupaya meyakinkan semua pengundi, tanpa mengira parti, bahawa mereka ialah orang paling layak memimpin mereka.

Ketiga pula, katanya, anggota Umno negeri ini perlu mengetepikan sentimen dan perasaan untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional dalam sesuatu pilihan raya bagi memastikan tampuk pemerintahan dapat dirampas semula.

Ketika diminta mengulas lanjut nasihatnya itu, Dr Mahathir berkata, walaupun tiada perpecahan di kalangan anggota Umno di negeri ini, nasihat seperti itu perlu diberi berulang kali bagi mengelakkan mereka lupa tanggungjawab masing-masing.

"Kadangkala kita terlalu ghairah, umpamanya semasa pemilihan parti, hingga lupa tujuan kita ialah untuk memenangi pilihan raya bagi membolehkan kita menubuhkan kerajaan," katanya.

Katanya, nasihat itu juga ditujukan kepada semua anggota Umno di seluruh negara. -- Bernama

AL AKD

▼30/10/19-48MST

R PB 30-10 00148 BD690

Bah

Mahathir - Kelantan 3 Kota Baharu (sambungan berita awal)

Dr Mahathir mengingatkan anggota UMNO supaya tidak meneruskan strategi berkempen dalam pemilihan parti ketika pilihan raya kerana itu akan "menjamin kekalahan parti".

Taktik untuk mendapat tempat dalam parti tidak sama untuk mendapatkan sokongan dalam pilihan raya dan jika digunakan juga UMNO pasti kalah, katanya.

Beliau berkata, kememangan 51 peratus dalam pemilihan parti sudah memastikan kemenangan seseorang calon tetapi jika perkiraan itu turut digunakan ketika menghadapi pilihan raya umum, calon UMNO akan kalah.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, pihak-pihak yang bertanding dalam pemilihan parti perlu mengetepikan sentimen dan semangat ketika berkempen untuk memastikan calon parti menang dalam pilihan raya.

Mengenai suasana berkempen menjelang perhimpunan agung UMNO pada 4 Nov ini, beliau melahirkan rasa bimbang kerana penggunaan wang yang banyak hingga mencecah jutaan ringgit. — Lagi

▼30/10/20-31MST

R PB 30-10 00161 BD691

Bah

Mahathir - Kelantan 4 (Akhir) Kota Baharu

Dr Mahathir juga berkata demam pemilihan parti sekarang berbeza daripada sebelum ini yang berjalan lancar walaupun pemilihan jawatan diadakan setiap tahun.

Katanya, keadaan sekarang telah menimbulkan "inflasi" dalam pemilihan walaupun ia diadakan setiap tiga tahun sekali sehingga belanja mendapatkan sokongan perwakilan telah mencecah berjuta-juta ringgit.

"Sekarang ini jika seseorang itu tidak mendapatkan Shangrila Hotel (untuk para perwakilan) maka sahlah dia tak dapat undi...", jelasnya.

Sambil melahirkan rasa takut dengan perkembangan itu, Dr Mahathir berkata beliau mahu UMNO terus kekal kerana beliau sudah lama dalam parti.

"Kita nak parti kita kekal...kita tak kekal, belilah ubat apapun sampai masa kita akan mati, tapi parti boleh kekal...walaupun parti boleh kekal, ia bergantung kepada anggota parti dan sekiranya semua berebut-rebut jawatan, parti akan hancur," tambahnya.

Jika anggota UMNO tidak mahu peristiwa 1987 berulang, mereka hendaklah memelihara keutuhan parti, katanya. -- Bernama.

NH OA

▼30/10/20-32MST